
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

**HKN 207 – FIKSYEN DAN DRAMA MELAYU DAN INDONESIA
MODEN**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Sekurang-kurangnya SATU soalan daripada setiap bahagian.

Bahagian A: Cerpen

1. Bincangkan konsep cinta abadi sebagaimana yang diungkapkan oleh S.M. Zakir dalam cerpen “Si Penggaru Kalbu” dan oleh Danarto dalam cerpen “Setangkai Melati di Sayap Jibril.” Sejauhmanakah penampilan konsep cinta abadi dalam cerpen-cerpen tersebut memberi kesan kepada anda sebagai pembaca?
2. Bincangkan sikap dan peranan kanak-kanak sebagai anggota keluarga dan masyarakat berdasarkan watak Jarah dalam cerpen “Nasinya Tumpah” karya Fatimah Busu dan watak Buyung dalam cerpen “Dilarang Mencintai Bunga-Bunga” karya Kuntowijoyo. Sekiranya watak-watak ini berpeluang menjadi dewasa, apakah senario kehidupan mereka?
3. Bandingkan pengolahan plot yang dibuat oleh Keris Mas dalam cerpen “Keras Hati” dengan pengolahan plot oleh A.A. Navis dalam cerpen “Robohnya Surau Kami.” Bincangkan juga kritikan sosial yang disampaikan oleh kedua-dua penulis tersebut dalam cerpen-cerpen berkenaan.

Bahagian B: Novel

4. Bincangkan bentuk-bentuk bencana alam yang dihadapi oleh golongan petani di Kampung Banggul Derdap yang tergambar dalam novel **Ranjau Sepanjang Jalan** karya Shahnon Ahmad. Sekiranya anda menjadi Pegawai Daerah Sik, kemukakan satu perancangan yang berkesan untuk mengatasi bencana alam itu.
5. Bincangkan dengan kritis permasalahan yang dilontarkan oleh Kuntowijoyo dalam novel **Mantra Pejinak Ular**. Sejauhmanakah permasalahan itu benar berdasarkan pengetahuan anda tentang masyarakat Jawa?
6. Karya sastera merupakan dokumen sosial sesebuah masyarakat. Bincangkan pernyataan itu berdasarkan novel **Percikan** karya Zakaria Ali dan novel **Azab dan Sengsara** karya Merari Siregar.

Bahagian C: Drama

7. Bincangkan kekuatan drama **Matinya Seorang Pahlawan - Jebat** oleh Usman Awang sebagai karya yang memperjuangkan keadilan dan bahaskan kewajaran perjuangan itu dalam konteks zamannya.
8. Drama **Malam Jahanam** karya Motinggo Busye mempersoalkan sikap dan perlakuan manusia yang jahanam kerana pentingkan nafsu lawamah sehingga memporakperandakan keluarga dan masyarakat. Bincangkan.

- ooo0ooo -